

'Kesungguhan PAS sekadar mahu naikkan imej parti'

Hasrat penyatuan ummah babit UMNO, BERSATU sukar dilaksanakan pada PRU-15

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan PAS yang tetap mahu meneruskan usaha penyatuan ummah mem-babitkan UMNO dan BERSATU dilihat sekadar untuk meletakkan imej parti supaya dilihat ber-sungguh-sungguh mempromosi-kan hasrat itu.

Penganalisis politik dari Uni-versiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata di sebalik hakikat itu, PAS mengetahui agenda perpaduan yang diingini itu adalah sukar dilaksanakan untuk menyatukan UMNO dan BERSATU.

"Jika PAS memilih PN (Perikatan Nasional), agenda perpa-duan Melayu akan tempang ke-rana tanpa UMNO yang merupa-kan parti Melayu terbesar di ne-gara.

"Justeru sukar nak satukan da-lam pakatan pilihan raya, mung-kin ketika nak tubuh kerajaan, kerjasama ini lebih sesuai dan berkesan," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau diminta mengulas pen-dirian terbaru PAS semalam yang dilihat masih bermain tarik tali dalam menetapkan kerjasama de-ngan UMNO dan Barisan Nasio-nal (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang dalam satu ke-nyataan selepas mem-pengerusikan me-syuarat Ahli Jawa-tankuasa PAS Pusat berkata, parti itu ber-tekad untuk mene-ruskan usaha penya-tuan ummah memba-bitkan komitmen tiga parti teras Melayu bersama UMNO dan BERSATU.

Bagi Felo Kanan Akademi Pe-nyelidikan Strategik Nusantara (NASR), Dr Azmi Hassan, PAS sebenarnya tahu adalah musta-hil untuk meletakkan ketiga-tiga parti dalam satu 'kapal' perpa-duan ummah, tetapi sengaja mencari alasan untuk menerus-kan agenda itu.

Sengaja cipta naratif

Dengan tindakan itu, beliau ber-kata, PAS sengaja cuba mencipta naratif bahawa UMNO yang se-benarnya menolak agenda perpaduan ummah.

"Dalam hal ini, naratif PAS adalah telah cuba sedaya upaya walaupun ia tidak akan berjaya kerana pendirian UMNO dan BERSATU yang tidak akan be-kerjasama antara satu sama lain.

"Ia cubaan bagi me-ngalihkan pandangan yang tidak mahu agenda itu adalah UMNO," katanya.

Penganalisis politik dari Universiti Tekno-logi MARA (UiTM), Mujibu Abd Muis, pu-la berkata kemungki-nan menerusi kerja-sama tidak rasmi an-tara PAS dengan UM-NO boleh menjadi sa-tu-satunya strategi ke-

dua-dua parti itu 'berpadu tena-ga' menghadapi PRU-15.

Meskipun langkah itu berisiko buat PAS yang menganggotai PN bersama BERSATU yang berke-ras menolak sebarang kerjasama dengan UMNO, beliau berkata, PAS harus sedar parti itu perlu memuktamadkan pendirian par-



Mohd Izani Mohd Zain

ti mana mereka mahu bersama.

"Perpaduan ummah boleh ber-langsung tanpa ada sebarang ker-jasama rasmi. Kalau PAS seperti mana yang mereka akui boleh menyatukan BERSATU dan UM-NO, maka itulah yang sepatutnya dilakukan.

"Kalau pun tak dapat secara rasmi, mungkin usahakan secara tak rasmi atau melalui pintu be-lakang," katanya.

Mujibu turut bersetuju dengan pendapat bahawa PAS menyedari kerjasama dengan UMNO dan BERSATU adalah mustahil.

"Sepatutnya, PAS lihat kepada kerjasama dengan siapa yang lebih menguntungkan. Tetapi dengan berterusan mahu bersama UMNO, ia seolah-olah menidakkan atau macam tidak yakin dengan kekua-tan BERSATU. Ini seperti diludahi mati emak, ditelan mati bapa.

"UMNO pula nampak macam acuh tak acuh dengan ajakan PAS untuk bekerjasama. Nampak ma-cam menyuruh meninggalkan BERSATU hanya alasan saja se-dangkan UMNO sudah jelas me-nolak kerjasama dengan PAS se-cara terbuka dalam Perhimpun-an Agung UMNO termasuk tin-dakan PAS yang sebelumnya membelakangi Muafakat Nasio-nal (MN) dalam banyak perkara," katanya.